

Surat khabar: Utusan Borneo (Tempatan)

Hari/Tarikh: 28/9/2013

Muka surat: 3

Tajuk : Saksikan Sesi Komikal 'Apai Saloi' Di UNIMAS Hari Ini.

## Saksikan sesi komikal 'Apai Saloi' di UNIMAS hari ini

**KOTA SAMARAHAN:** Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) akan menampilkan dua sesi persembahan komikal boneka yang bertajuk 'Apai Saloi The Musical Puppet Show,' hari ini.

Sesi pertama akan diadakan dari jam 11.30 pagi hingga 12.30 tengah hari dan sesi kedua pada jam 2.30 petang hingga 3.30 petang di Panggung Eksperimen, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, UNIMAS.

Produksi 'Apai Saloi The Musical Puppet Show' yang diketuai Laura Pranti Tutom (seorang pensyarah Program Muzik) berkata: "Cerita rakyat yang akan dipersembahkan ini mempunyai lagu-lagu dan muzik yang dicampur dengan unsur-unsur komedi dan moral kehidupan."

"Boneka dalam persembahan ini telah disuntik dengan nafas baharu untuk menjadikannya lebih relevan dalam kehidupan hari ini."

"Persembahan ini turut mendapat sokongan penuh daripada Prof Madya Dr Hasnizam Abdul Wahid, Dekan Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif UNIMAS," katanya menerusi kenyataan akbar semalam.

Beliau menjelaskan, FSGK telah memilih untuk mempersembahkan cerita 'Apai Saloi' sebagai sumbangan sosial bagi memelihara

warisan tradisional masyarakat Iban.

Justeru, beliau berharap melalui persembahan itu generasi muda boleh mempelajari nilai-nilai moral yang tersembunyi di sebalik cerita rakyat.

"Produksi ini diterajui oleh Pengarah/Penulis Skrip Laura Pranti Tutom dan Dr Anna Durin, Pengarah Muzik oleh Drs Yoesbar Djaelani dan Prop dan Reka Bentuk boneka oleh Syaryfah Fazidawaty," kata Hasnizam.

Sebahagian daripada koleksi data penyelidikan projek ini, Dr Anna menjelaskan, 'Apai Saloi' merupakan watak seorang lelaki yang lurus bendul dan bodoh, namun beliau juga memiliki watak yang penuh tipu muslihat.

Kebodohan 'Apai Saloi' dapat dilihat dalam kerakerja sehari-hari beliau yang sangat sering mengakibatkan kemarahan isterinya, 'Indai Saloi.'

Dalam babak terakhir persembahan ini merupakan babak kemuncak di mana 'Indai Saloi' akan mengumpul sisa makanan 'Apai Saloi' dari giginya dan menghidangkan sisa makanan tersebut kepada 'Apai Saloi' pada kesokannya. Untuk maklumat lanjut, hubungi Syaryfah Fazidawaty menerusi 082-581407 atau e-mel syaryfah@faca.unimas.my.